

# E. coli Eropah, E. coli Malaysia

Kosmo 12/1/2011 MS10.

ADA yang menyebutnya E. kolai dan ada pula memanggilnya E. choli. Sama ada E. kolai atau E. choli, kedua-duanya adalah bakteria yang sama iaitu E. coli.

E. coli bukanlah kuman baru. Ia sudah lama diketahui. Ketika saya mengetuai Meja Kesihatan Utusan Malaysia pada tahun 2002, E. coli telah pun kerap disebut.

Pada ketika itu atau lama sebelum itu, orang kerap mengaitkan gejala muntah-muntah, demam atau cirit-birit sebagai 'tersalah makan.'

'Tersalah makan' ada macam-macam sebab. Ada yang percaya ia disebabkan termakan makanan basi, makanan pedas, makanan yang 'tidak diterima perut' dan macam-macam lagi.

Maka orang yang 'tersalah makan' itu bergegas ke kedai-kedai mencari ubat biji cap potret orang tua atau helang untuk meredakan sakit perut dan cirit-birit.

Mengikut petua orang tua-tua, minum 'teh Cina' atau 'teh pekat' juga boleh meredakan sakit perut.

Padahal sebenarnya antara se-



**SesamaKita**  
lokman.othman@kosmo.com.my

bab utama mereka 'tersalah makan' adalah kerana makanan yang mereka makan telah tercemar. Biasanya kerana angkara kuman E. coli.

Jika mendapatkan rawatan, doktor biasanya akan memberi ubat antibiotik, ubat tahan muntah, ubat tahan cirit-birit, ubat demam dan ubat sakit perut.

Turut diberi adalah banchuan air garam yang mesti diminum bagi menggantikan air dalam tubuh yang banyak hilang akibat cirit-birit dan muntah-muntah.

Bagi kes-kes yang teruk, pesakit akan ditahan di hospital untuk diberi rawatan intensif.

Biasanya dalam tempoh dua tiga hari, pesakit akan kembali pulih.

Demikianlah fenomena 'tersalah makan' yang bukan luar biasa di Malaysia. Maklumlah di negara ini, rakyatnya sentiasa terdedah dengan pelbagai jenis hidangan

pelbagai kaum.

Sebenarnya, E. coli atau *Escherichia coli* telah ditemui pada 1885 oleh seorang pakar bakteria berbangsa Jerman, Theodor Escherich.

Mereka yang termakan makanan yang tercemar oleh E. coli biasanya akan mengalami simptom-simptom yang saya sebutkan tadi.

Bagaimanapun, sejak dua tiga minggu sebelum ini, dunia dikejutkan pula dengan ancaman E. coli. Bagaimanapun ancaman kali ini bukan yang biasa, sebaliknya lebih menakutkan.

Khabarnya ia telah meragut puluhan nyawa di Eropah. Menariknya, E. coli yang dikatakan kebal antibiotik ini turut mula-mula dikesan di Jerman, negara asal penemuan E. coli.

E. coli yang mula mencetuskan ketakutan masyarakat dunia amnya dan Eropah khususnya, dikatakan ditemui pada hasil sayuran.

Musibahnya, masyarakat petani di Eropah kini mula merasa bahangnya apabila terpaksa me-

nelan kerugian ratusan juta dolar kerana hasil tanaman mereka terpaksa dimusnahkan.

Sehingga kini, para saintis masih bingung dalam mencari punca sebenar dan penawar.

Masyarakat Eropah yang dikatakan terkehadapan dalam bidang sains sekalipun terpaksa tertekan kepada fenomena baharu ini. Tidak habis-habis mereka ditimpa bala. Sebelum ini pun, mereka terpaksa menelan kerugian akibat bahana daging lembu berkuman, ruang udara yang dipenuhi asap gunung berapi dan macam-macam lagi.

Lagi satu, orang Eropah yang digambarkan sebagai masyarakat yang mengutamakan kebersihan juga tidak terkecuali turut memiliki kelompok masyarakat yang pengotor.

Kita di Malaysia bagaimana? Kita tidak boleh menjadi pemerhati semata-mata. Perlu diingat bahawa bahana yang dibawa oleh E. coli adalah wabak. Ia dengan mudah merentasi sempadan.

Walaupun E. coli di Eropah kini lebih kebal, ia tiada bezanya de-

ngan E. coli di Malaysia. Kedua-duanya daripada punca dan keluarga yang sama.

Jika kita gagal mengamalkan amalan kebersihan dalam kehidupan seharian atau dalam mendapat rawatan, terimalah padahnya.

Cuba lihat di sekeliling kita, adakah segalanya sudah cukup bersih. Nilai sendiri apa yang kita beli dan makan, R&R yang kita singgah, gerai-gerai dan restoran yang banyak di tepi jalan, bahan-bahan makanan mentah yang kita beli di pasar, tandas yang kita guna dan macam-macam lagi. Semuanya berpotensi dan telah pun menjadi sarang E. coli.

Jika kita mengamalkan amalan kebersihan, bagaimana pula dengan orang lain yang dekat dengan kita. Oleh kerana mereka yang pengotor, kita pula yang dapat penyakit.

Pada ketika itu, teh Cina atau ubat biji sudah tidak berguna lagi.

**Sesama Kita : Sentiasa percaya setiap bala ada hikmah dan rahmatnya.**